

**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 12 TAHUN 2009**

---

**PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN KURATOR,  
PENOLONG KURATOR DAN PEMBANTU MUZIUM**

**TUJUAN**

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan mengenai perubahan skim perkhidmatan Kurator Gred S41, S44, S48, S52, S54, Penolong Kurator Gred S27, S32, S38 dan Pembantu Muzium Gred S17, S22, S26.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah bersetuju supaya syarat lantikan skim perkhidmatan Kurator, Penolong Kurator dan Pembantu Muzium dan syarat kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL) dari skim perkhidmatan Pembantu Muzium ke skim perkhidmatan Penolong Kurator diubah. Ini berikutan perubahan persekitaran yang memerlukan syarat lantikan skim perkhidmatan Kurator, Penolong Kurator dan Pembantu Muzium dikemaskinikan sejajar dengan keperluan semasa dan perubahan kurikulum pengajian di peringkat institusi pengajian tinggi.

3. Skim perkhidmatan Kurator yang sedang berkuat kuasa memperuntukkan syarat lantikan Diploma Lanjutan Seni Lukis dan Seni Reka daripada UiTM serta lima tahun pengalaman atau ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sosiologi, antropologi, sejarah, kaji purba atau zoologi dengan gaji permulaan Gred S41: P1T3.

4. Skim perkhidmatan Penolong Kurator pula menetapkan syarat kelayakan masuk Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan gaji permulaan Gred S27: P1T1 atau diploma dalam bidang pentadbiran awam dengan gaji permulaan Gred S27: P1T5 atau diploma dalam bidang ukur tanah dengan gaji permulaan Gred S27: P1T6 atau Diploma Lanjutan Seni Lukis dan Seni Reka daripada UiTM dengan gaji permulaan Gred S27: P1T8.

5. Bagi skim perkhidmatan Pembantu Muzium pula, kelayakan masuk adalah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan keutamaan diberi kepada calon yang mendapat kepujian dalam subjek Sejarah, Kesusasteraan atau Sains pada peringkat peperiksaan tersebut.

#### **PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN KURATOR, PENOLONG KURATOR DAN PEMBANTU MUZIUM**

6. Perubahan skim perkhidmatan Kurator, Penolong Kurator dan Pembantu Muzium adalah seperti berikut:-

(a) syarat lantikan bagi skim perkhidmatan Kurator ditetapkan memiliki salah satu daripada kelayakan berikut:-

(i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sosiologi, antropologi, sejarah, kaji purba, zoologi, sastera, seni lukis, seni reka, seni halus, seni bina, permuziuman atau konservasi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T3); atau

- (ii) ijazah sarjana dalam bidang permuziuman yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T6).

- (b) syarat lantikan bagi skim perkhidmatan Penolong Kurator ditetapkan memiliki salah satu daripada kelayakan berikut:-

- (i) STPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: P1T1); atau

- (ii) diploma dalam bidang seni lukis, seni reka, seni halus, seni bina, sains, permuziuman atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: P1T5).

- (c) syarat lantikan bagi skim perkhidmatan Pembantu Muzium ditetapkan memiliki kelayakan berikut:-

- (i) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan akan diberi kepada calon yang mendapat kepujian dalam subjek Sejarah, Kesusasteraan, Sains, Geografi, Fizik, Kimia atau Biologi pada peringkat peperiksaan tersebut).

(Gaji permulaan ialah pada Gred S17: P1T1).

7. Perubahan ini turut melibatkan syarat KPSL dari skim perkhidmatan Pembantu Muzium ke skim perkhidmatan Penolong Kurator dengan menggugurkan peperiksaan khas. Syarat KPSL ke skim perkhidmatan Penolong Kurator dengan memenuhi kelayakan akademik adalah dikekalkan.

8. Skim perkhidmatan Kurator, Penolong Kurator dan Pembantu Muzium yang baharu adalah seperti di **Lampiran A**, **Lampiran B** dan **Lampiran C**. Format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran A1**, **Lampiran B1** dan **Lampiran C1**. Penghuraian kerja adalah seperti di **Lampiran A2**, **Lampiran B2** dan **Lampiran C2**.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

9. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **2 Julai 2009**. Mulai tarikh kuat kuasa pekeling perkhidmatan ini, semua lantikan sebagai Kurator, Penolong Kurator dan Pembantu Muzium perlu menggunakan skim perkhidmatan baharu ini dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.


#### **PEMBATALAN**

10. Dengan berkuat kuasanya pekeling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Kurator yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui Pekeling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2006, Penolong Kurator yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui Lampiran B muka surat 591 hingga 593 dalam Pekeling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dan Pembantu Muzium yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2005 melalui Pekeling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005 adalah dibatalkan dan diganti dengan skim perkhidmatan dalam pekeling perkhidmatan ini.

## **PEMAKAIAN**

11. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI ISMAIL ADAM)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA**

*26* Jun 2009

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

## LAMPIRAN A

### SKIM PERKHIDMATAN KURATOR

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN SOSIAL  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  
**TARIKH KUAT KUASA** : 2 JULAI 2009

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>			
<b>Gred S41</b>	:	P1T1 RM1688.89	-	P1T27 RM4638.89
		P2T1 RM1783.51	-	P2T27 RM4917.16
		P3T1 RM1882.31	-	P3T27 RM5219.23
<b>Gred S44</b>	:	P1T1 RM2976.03	-	P1T14 RM4929.67
		P2T1 RM3294.69	-	P2T14 RM5411.22
<b>Gred S48</b>	:	P1T1 RM4348.05	-	P1T8 RM5770.17
		P2T1 RM4779.42	-	P2T8 RM6318.44
<b>Gred S52</b>	:	P1T1 RM4894.91	-	P1T8 RM6317.03
		P2T1 RM5359.67	-	P2T8 RM6898.69
<b>Gred S54</b>	:	P1T1 RM5159.29	-	P1T8 RM6714.97
		P2T1 RM5615.70	-	P2T8 RM7330.00

#### SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sosiologi, antropologi, sejarah, kaji purba, zoologi, sastera, seni lukis, seni reka, seni halus, seni bina, permuziuman atau konservasi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T3); atau  
  
(ii) ijazah sarjana dalam bidang permuziuman yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T6).

- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**
2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Kurator adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Kurator Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau  
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred S41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Kurator Gred S41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Kurator boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
6. Kurator Gred S41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Kurator Gred S41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Kurator hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED S44**
10. Kurator Gred S41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Kurator Gred S44 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S48**
11. Kurator Gred S44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Kurator Gred S48 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S52**
12. Kurator Gred S48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Kurator Gred S52 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S54**
13. Kurator Gred S52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Kurator Gred S54 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED YANG LEBIH  
TINGGI**
14. Kurator Gred S54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2006, JPA(S)324/1 Klt.38 s.k 2 (5)].



## LAMPIRAN A1

### FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Kurator
- (b) Kementerian/Jabatan : (Nyatakan Nama Agensi)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Sosial

2. Jadual Gaji

Gred	Jadual Gaji Matriks	
Gred S41	: P1T1 RM1688.89	- P1T27 RM4638.89
	P2T1 RM1783.51	- P2T27 RM4917.16
	P3T1 RM1882.31	- P3T27 RM5219.23
Gred S44	: P1T1 RM2976.03	- P1T14 RM4929.67
	P2T1 RM3294.69	- P2T14 RM5411.22
Gred S48	: P1T1 RM4348.05	- P1T8 RM5770.17
	P2T1 RM4779.42	- P2T8 RM6318.44
Gred S52	: P1T1 RM4894.91	- P1T8 RM6317.03
	P2T1 RM5359.67	- P2T8 RM6898.69
Gred S54	: P1T1 RM5159.29	- P1T8 RM6714.97
	P2T1 RM5615.70	- P2T8 RM7330.00

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sosiologi, antropologi, sejarah, kaji purba, zoologi, sastera, seni lukis, seni reka, seni halus, seni bina, per muziuman atau konservasi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T3); atau

(ii) ijazah sarjana dalam bidang per muziuman yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T6).

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Kurator adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Kurator Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3(c) di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. Taraf Jawatan : (Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara)
6. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Kurator adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. Fungsi Bidang Tugas : (Untuk diisi oleh ketua jabatan/ perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat)
8. Tarikh Tutup Permohonan : (Nyatakan tarikh tutup permohonan)

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN  
KURATOR**

**1. SKIM PERKHIDMATAN**

Kurator Gred S41, S44, S48, S52, S54

**2. PERINGKAT ORGANISASI**

Jabatan Muzium Malaysia, Balai Seni Lukis Negara, Jabatan Warisan Negara, Arkib Negara Malaysia, Muzium Negeri dan agensi-agensi kerajaan yang lain mengikut keperluan.

**3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan dan pentadbiran, merancang, menyelaraskan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti permuziuman seperti pameran, pemuliharaan dan konservasi benda-benda purba, penyelidikan arkeologi, flora dan fauna, kebudayaan negara, memberi khidmat nasihat permuziuman serta menyediakan laporan hasil kajian penyelidikan.

**4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

**4.1. Kurator Gred S41**

- a) Merancang dan mengetuai penyelidikan muzium dan menjalankan kerja-kerja penyelidikan warisan sejarah, budaya, alam kemanusiaan, alam semula jadi dan perkara-perkara yang berkaitan.
- b) Merancang dan mengumpul koleksi untuk dipamerkan dan menyediakan 'write up', 'caption', label dan sebagainya yang berkaitan dengan pameran.
- c) Merancang pengurusan sumber manusia jabatan dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti latihan/ kursus di peringkat jabatan dan luar negara.
- d) Mendokumentasi dan mengkatalog koleksi muzium secara sistematik, menyimpan data-data hasil penyelidikan dengan teratur sebagai bahan rujukan.
- e) Mengetuai dan menjalankan kerja-kerja pemuliharaan tanah, tapak tanah, monumen bersejarah dan seumpamanya.
- f) Menyelaraskan dan mengetuai kerja-kerja cari gali.

- g) Menjadi pembentang kertas kerja dan membantu menjayakan kursus/ ceramah/ bengkel dan lain-lain aktiviti yang dianjurkan oleh Jabatan Muzium Malaysia ataupun agensi luar.
- h) Membantu dalam kerja-kerja menerbitkan jurnal, buku, katalog dan penerbitan-penerbitan lain.

#### 4.2. **Kurator Gred S44**

- a) Bertanggungjawab terhadap pameran-pameran berkala jabatan serta pemantauan, penyeliaan serta penyelenggaraan galeri tetap.
- b) Merancang dan menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan pengumpulan maklumat serta bahan-bahan koleksi yang berhubung dengan sejarah negara untuk tujuan pameran, rekod, dokumentasi dan penerbitan.
- c) Memberi khidmat nasihat kepakaran dan latihan dalam bidang penyediaan dan peragaan pameran, penyelidikan monumen dan tapak tanah bersejarah.
- d) Menyediakan proses kerja/ skop kerja konservasi ke atas bahan-bahan koleksi muzium, jumpaan arkeologi serta monumen dan tapak tanah bersejarah.
- e) Menyediakan dokumen bagi tujuan pewartaan monumen lama dan tapak tanah bersejarah.
- f) Melaksanakan tugas sebagai editor dalam membuat perancangan manuskrip sebelum buku diterbitkan.
- g) Menjadi urus setia bagi program-program yang melibatkan penerbitan buku di peringkat jabatan, kebangsaan dan antarabangsa.

#### 4.3. **Kurator Gred S48**

- a) Menyedia dan menyemak kertas-kertas kerja berkaitan modus operandi penyelidikan dan keberkesanan rasionalitinya dalam mendapatkan maklumat yang tepat.
- b) Membuat perolehan koleksi tentang warisan kebudayaan negara, flora dan fauna, arkeologi dan tapak tanah bersejarah serta mendapatkan maklumat terperinci melalui penyelidikan dan sumber rujukan di perpustakaan bagi mewujudkan sistem dokumentasi yang lengkap.
- c) Merancang serta menganjurkan latihan pengembangan pendidikan berkaitan permuziuman terutamanya tentang konservasi, kebudayaan negara, flora dan fauna, arkeologi, tapak-tapak tanah bersejarah dan monumen-monumen lama.

- d) Merancang, mengurus dan memantau program dan projek pembangunan serta pengurusan harta jabatan.
- e) Memberi khidmat nasihat kepakaran kepada muzium-muzium di peringkat jabatan, negara dan antarabangsa.
- f) Merancang, mengenalpasti dan menyelaras serta mengawasi penerbitan bahan-bahan promosi berkaitan muzium-muzium, tapak-tapak bersejarah dan monumen lama.

#### 4.4. **Kurator Gred S52**

- a) Menyelaras dan melaksanakan kerja-kerja penyelidikan dan survei ke atas tapak-tapak bersejarah yang merangkumi zaman pra-sejarah, proto-sejarah dan sejarah di seluruh negara.
- b) Menyediakan kertas cadangan serta dokumen berkaitan untuk pewartaan tapak-tapak arkeologi di seluruh negara.
- c) Menyediakan proses kerja/ skop bagi melaksanakan kerja-kerja ekskavasi arkeologi.
- d) Melaksanakan kerja-kerja pendokumentasian arkeologi serta penerbitan hasil kajian.
- e) Memantau dan menyelaras pelaksanaan kerja-kerja ekskavasi arkeologi di peringkat jabatan dan negara.

#### 4.5. **Kurator Gred S54**

- a) Merancang, menyelaras dan memantau program pembangunan sumber maklumat seperti pembangunan teknologi maklumat, perolehan di peringkat jabatan dan kebangsaan, pengurusan sumber manusia dan belanjawan jabatan.
- b) Merancang dan melaksanakan kerja-kerja penyelidikan konservasi ke atas monumen, tapak dan artifak arkeologi muzium secara saintifik dan sistematik.
- c) Merancang kerja-kerja pendokumentasian yang dikemaskini dan sistematik dalam bidang permuziuman seperti kebudayaan negara, flora dan fauna, konservasi monumen, penyelidikan arkeologi dan konservasi artifak arkeologi dan muzium.
- d) Merancang dan melaksanakan pameran-pameran di peringkat jabatan, negara dan luar negara.
- e) Mewakili jabatan dan negara dalam pelbagai mesyuarat serta Persidangan Agung sama ada pertubuhan kerajaan atau pertubuhan lain di dalam dan luar negara.

## 5. HUBUNGAN KERJA

### 5.1. Dalaman

- a) Pengurusan tertinggi
- b) Pegawai dan staf dalam jabatan

### 5.2. Luaran

- a) Orang awam
- b) Jabatan/ agensi kerajaan
- c) Syarikat swasta
- d) Pelajar-pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi awam dan swasta
- e) Penyelidik-penyelidik dalam dan luar negara

## 6. PERSEKITARAN KERJA

6.1. Dalam dan luar pejabat serta kerja lapangan

6.2. Dalam dan luar negara

## 7. KEMAHIRAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

7.1. Berpengetahuan tinggi dalam aspek 'material - culture' dan mempunyai kemahiran dalam menilai artifak dari segi ketulenan dan nilai sejarah.

7.2. Berkemahiran membuat perbandingan, perancangan dan penganalisaan yang mendalam terhadap keperluan muzium-muzium baru serta penubuhan pengisian galeri yang sesuai bagi muzium bertaraf dunia.

7.3. Berkebolehan tinggi dalam bidang penyelidikan, persembahan pameran dan permuziuman.

7.4. Berkemahiran dalam bidang komputer.

7.5. Boleh berkomunikasi secara lisan dan bertulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

7.6. Berkebolehan memberikan pendapat secara profesional, memberi khidmat nasihat dan mengemukakan hujah-hujah dengan baik.

7.7. Berkebolehan menulis laporan, membuat kertas kerja yang berkualiti dan membentangkannya di peringkat dalam dan luar negara.

## **8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- 8.1. Profesionalisme
- 8.2. Integriti
- 8.3. Bertanggungjawab
- 8.4. Displin diri
- 8.5. Semangat tinggi
- 8.6. Kompetensi dan ketelitian
- 8.7. Amanah dan jujur
- 8.8. Kekuatan emosi

## **9. ANCAMAN/ BAHAYA**

- 9.1. Risiko terdedah kepada bahan kimia.
- 9.2. Terdedah kepada serangan binatang buas dan gigitan serangga berbisa.
- 9.3. Terdedah kepada ancaman spiritual sewaktu menjalankan cari gali dan penyelidikan.
- 9.4. Penerimaan/ kerjasama masyarakat terhadap penyelidikan yang hendak dijalankan.
- 9.5. Tekanan.

## LAMPIRAN B

### SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG KURATOR

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN SOSIAL  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : SOKONGAN  
**TARIKH KUAT KUASA** : 2 JULAI 2009

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>				
<b>Gred S27</b>	: P1T1	RM1204.55	-	P1T26	RM3027.10
	P2T1	RM1274.13	-	P2T26	RM3213.10
	P3T1	RM1346.73	-	P3T26	RM3405.26
<b>Gred S32</b>	: P1T1	RM2413.04	-	P1T13	RM3592.76
	P2T1	RM2623.28	-	P2T13	RM3911.96
<b>Gred S38</b>	: P1T1	RM3001.40	-	P1T11	RM4439.78
	P2T1	RM3211.64	-	P2T11	RM4911.67

#### SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: P1T1); atau

(ii) diploma dalam bidang seni lukis, seni reka, seni halus, seni bina, sains, permuziuman atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: P1T5);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Muzium adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Kurator Gred S27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-



- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan  
 (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI  
 PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred S27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Penolong Kurator Gred S27 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Penolong Kurator boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/  
 PEPERIKSAAN**
6. Penolong Kurator Gred S27 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM  
 PERKHIDMATAN**
7. Penolong Kurator Gred S27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;  
 (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan  
 (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI  
 TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP  
 KECEKAPAN**
9. Penolong Kurator hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT  
 KE GRED S32**
10. Penolong Kurator Gred S27 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Kurator Gred S32 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;  
 (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;  
 (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan  
 (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT  
 KE GRED S38**
11. Penolong Kurator Gred S32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Kurator Gred S38 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan;  
dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA LANTIKAN  
KE PERKHIDMATAN  
KURATOR**

12. Penolong Kurator yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Kurator Gred S41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2002 [Lampiran B kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 (muka surat 591-593), JPA(S)71/3 Klt. 2(3)].

**FORMAT IKLAN JAWATAN**

1. (a) Jawatan : Penolong Kurator
- (b) Kementerian/Jabatan : (Nyatakan Nama Agensi)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Sosial

2. Jadual Gaji

Gred	Jadual Gaji Matriks
Gred S27	: P1T1 RM1204.55 - P1T26 RM3027.10 P2T1 RM1274.13 - P2T26 RM3213.10 P3T1 RM1346.73 - P3T26 RM3405.26
Gred S32	: P1T1 RM2413.04 - P1T13 RM3592.76 P2T1 RM2623.28 - P2T13 RM3911.96
Gred S38	: P1T1 RM3001.40 - P1T11 RM4439.78 P2T1 RM3211.64 - P2T11 RM4911.67

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: P1T1); atau

- (ii) diploma dalam bidang seni lukis, seni reka, seni halus, seni bina, sains, per muzium atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: P1T5);

- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
4. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Muzium adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Kurator Gred S27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 3(c) di atas; dan
  - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. Taraf Jawatan : (Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara)
6. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Kurator adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. Fungsi Bidang Tugas : (Untuk diisi oleh ketua jabatan/ perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat)
8. Tarikh Tutup Permohonan : (Nyatakan tarikh tutup permohonan)

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN  
PENOLONG KURATOR**

**1. SKIM PERKHIDMATAN**

Penolong Kurator Gred S27, S32, S38

**2. PERINGKAT ORGANISASI**

Jabatan Muzium Malaysia, Balai Seni Lukis Negara, Jabatan Warisan Negara, Arkib Negara Malaysia, Muzium Negeri dan agensi-agensi kerajaan yang lain mengikut keperluan.

**3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab menguruskan keselamatan dan repositori artifak, kerja-kerja pembangunan, program kaji selidik sejarah, kebudayaan serta flora dan fauna, pameran dan diorama serta tugas-tugas lain yang berkaitan dengan aktiviti permuziuman.

**4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

**4.1. Penolong Kurator Gred S27**

- a) Menguruskan penyediaan pameran tetap/ sementara/ khas/ bergerak.
- b) Membuat kerja-kerja pengumpulan dan penyelidikan flora dan fauna negara.
- c) Menguruskan hal-hal berkaitan dengan projek pembangunan Jabatan Muzium Malaysia.
- d) Menjalankan kerja-kerja pengurusan pentadbiran, personel dan kewangan Jabatan Muzium Malaysia.
- e) Menjalankan kerja-kerja penyelidikan arkeologi di lapangan.
- f) Menjalankan kerja-kerja konservasi artifak di makmal.
- g) Menjalankan kerja-kerja penyelidikan sejarah dan kebudayaan negara.
- h) Melaksanakan aktiviti promosi dan pemasaran muzium kepada orang awam melalui media massa sama ada media elektronik mahupun media cetak.
- i) menjalankan program 'outreach' dan 'inreach' secara bersepadu di peringkat jabatan, daerah dan negeri.

**4.2. Penolong Kurator Gred S32**

- a) Menyediakan dokumen mengenai artifak untuk mesyuarat Jawatankuasa Pembelian Harta Kebudayaan.
- b) Menyediakan dokumen/ gambar/ artifak beserta harga tawaran mengikut koleksi yang ditawarkan untuk mesyuarat Lembaga Tender Jabatan.
- c) Menyelia tugas pengurusan pameran dan penyelidikan bagi pameran tetap, sementara, khas dan bergerak.
- d) Mengetuai proses pinjaman koleksi dan bahan (artifak/ gambar/ dokumen) dari muzium, bahagian dan unit dalam jabatan atau agensi serta institusi luar jabatan mengikut prosedur yang telah dikenalpasti.
- e) Membantu merancang dan mereka bentuk konsep, struktur dan susun atur pameran sementara di muzium negeri.
- f) Memantau tugas harian dalam penyelenggaraan dan pembersihan di balai pameran dan di luar bangunan muzium.
- g) Memantau pelaksanaan kerja-kerja konservasi koleksi artifak Jabatan Muzium Malaysia.
- h) Menyelia dan menyemak pelaksanaan kerja-kerja pendokumentasian artifak termasuk merekod dan merakam gambar mengikut ISO jabatan.
- i) Membantu Kurator melaksanakan penyelidikan konservasi artifak.
- j) Mengurus, menyemak dan mengemaskini data perolehan artifak jabatan secara berjadual bagi keperluan stor repositori.
- k) Penyelenggara repositori jabatan mengikut piawaian permuziuman bagi menjamin kebersihan dan keselamatan artifak.

**4.3. Penolong Kurator Gred S38**

- a) Penyelenggara kerja-kerja pengurusan pameran, penyelidikan dan pengumpulan maklumat bagi tujuan penyediaan pameran tetap, sementara, khas dan bergerak.
- b) Menyelia dan mengurus aktiviti pendidikan dan pengembangan muzium.
- c) Menyelia dan mengatur siri dokumentasi dalam bentuk media cetak dan elektronik.
- d) Menyelia dan menyelaras pengurusan perolehan warisan harta kebudayaan, sejarah dan spesimen alam semula jadi negara melalui pembelian, hadiah, pinjaman dan sumber-sumber lain.

- e) Bertanggungjawab dalam segala tugas persediaan dan peragaan pameran.
- f) Menyelia dan memantau artifak dalam repositori mengikut klasifikasi.
- g) Menguruskan perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan penyelidikan koleksi.

## 5. HUBUNGAN KERJA

### 5.1. Dalaman

- a) Pengurusan atasan
- b) Pegawai dan staf dalam jabatan

### 5.2. Luaran

- a) Orang awam
- b) Jabatan/ agensi kerajaan
- c) Syarikat swasta
- d) Pelajar-pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi awam dan swasta
- e) Penyelidik-penyelidik dalam dan luar negara

## 6. PERSEKITARAN KERJA

- 6.1. Dalam dan luar pejabat serta kerja lapangan
- 6.2. Dalam dan luar negara

## 7. KEMAHIRAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- 7.1. Berpengetahuan dalam aspek 'material - culture' dan mempunyai kemahiran dalam menilai artifak dari segi ketulenan dan nilai sejarah.
- 7.2. Berkemahiran dalam bidang komputer.
- 7.3. Boleh berkomunikasi secara lisan dan bertulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

**8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- 8.1. Profesionalisme
- 8.2. Integriti
- 8.3. Bertanggungjawab
- 8.4. Displin diri
- 8.5. Semangat tinggi
- 8.6. Kompetensi dan ketelitian
- 8.7. Amanah dan jujur
- 8.8. Kekuatan emosi

**9. ANCAMAN/ BAHAYA**

- 9.1. Risiko terdedah kepada bahan kimia.
- 9.2. Terdedah kepada serangan binatang buas dan gigitan serangga berbisa.
- 9.3. Terdedah kepada ancaman spiritual sewaktu menjalankan cari gali dan penyelidikan.
- 9.4. Penerimaan/ kerjasama masyarakat terhadap penyelidikan yang hendak dijalankan.
- 9.5. Tekanan.



**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMBANTU MUZIUM**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN SOSIAL  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : SOKONGAN  
**TARIKH KUAT KUASA** : 2 JULAI 2009

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>					
<b>Gred S17</b>	:	P1T1	RM820.38	-	P1T24	RM2151.35
		P2T1	RM871.81	-	P2T24	RM2272.50
		P3T1	RM924.75	-	P3T24	RM2397.95
<b>Gred S22</b>	:	P1T1	RM1915.43	-	P1T12	RM2838.04
		P2T1	RM2057.61	-	P2T12	RM3134.53
<b>Gred S26</b>	:	P1T1	RM2195.24	-	P1T9	RM2981.72
		P2T1	RM2405.48	-	P2T9	RM3264.60

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S17: P1T1);
- dan
- (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
  
(Keutamaan akan diberi kepada calon yang mendapat kepujian dalam subjek Sejarah, Kesusasteraan, Sains, Geografi, Fizik, Kimia atau Biologi pada peringkat peperiksaan tersebut).
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred S17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
3. Pembantu Muzium Gred S17 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
4. Pembantu Muzium boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/  
PEPERIKSAAN**

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

**PENILAIAN TAHAP  
KECEKAPAN**

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S22**

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S26**

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA LANTIKAN  
KE PERKHIDMATAN  
PENOLONG KURATOR,  
PENGHULU**

5. Pembantu Muzium Gred S17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
6. Pembantu Muzium Gred S17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
8. Pembantu Muzium hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
9. Pembantu Muzium Gred S17 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Muzium Gred S22 yang kosong apabila telah:-
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
10. Pembantu Muzium Gred S22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Muzium Gred S26 yang kosong apabila telah:-
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
11. Pembantu Muzium yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Kurator Gred S27 atau Penghulu Gred NP27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2005 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005, JPA(S)324/14/23-3 Klt.6(39)].

**FORMAT IKLAN JAWATAN**

1. (a) Jawatan : Pembantu Muzium
- (b) Kementerian/Jabatan : (Nyatakan Nama Agensi)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Sosial

2. Jadual Gaji

Gred	Jadual Gaji Matriks	
Gred S17	: P1T1 RM820.38 P2T1 RM871.81 P3T1 RM924.75	- P1T24 RM2151.35 - P2T24 RM2272.50 - P3T24 RM2397.95
Gred S22	: P1T1 RM1915.43 P2T1 RM2057.61	- P1T12 RM2838.04 - P2T12 RM3134.53
Gred S26	: P1T1 RM2195.24 P2T1 RM2405.48	- P1T9 RM2981.72 - P2T9 RM3264.60

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S17: P1T1);

- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan akan diberi kepada calon yang mendapat kepujian dalam subjek Sejarah, Kesusasteraan, Sains, Geografi, Fizik, Kimia atau Biologi pada peringkat peperiksaan tersebut).

4. Taraf Jawatan : (Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara)
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Muzium adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : (Untuk diisi oleh ketua jabatan/ perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat)
7. Tarikh Tutup Permohonan : (Nyatakan tarikh tutup permohonan)

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN  
PEMBANTU MUZIUM**

**1. SKIM PERKHIDMATAN**

Pembantu Muzium Gred S17, S22, S26

**2. PERINGKAT ORGANISASI**

Jabatan Muzium Malaysia, Balai Seni Lukis Negara, Jabatan Warisan Negara, Arkib Negara Malaysia, Muzium Negeri dan agensi-agensi kerajaan yang lain mengikut keperluan.

**3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab ke atas keselamatan dan kebersihan koleksi muzium serta galeri pameran, membantu kerja-kerja pengumpulan koleksi penyelidikan (sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi) serta penyediaan pameran, ekskavasi arkeologi, konservasi dan sebagainya.

**4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

**4.1. Pembantu Muzium Gred S17**

- a) Membantu dalam penyelidikan di lapangan dan perpustakaan bagi memperolehi data dan maklumat berkaitan dengan kajian.
- b) Menyimpan dan mengendalikan peralatan penyelidikan di lapangan dan makmal kajian.
- c) Memastikan hasil penyelidikan disimpan secara sistematik.
- d) Membantu dalam kerja-kerja penyediaan pameran tetap, sementara, khas dan bergerak.
- e) Membuat kerja-kerja pendaftaran artifak jabatan.
- f) Membantu melaksanakan program 'outreach' dan 'inreach' peringkat jabatan, daerah dan negeri.
- g) Melaksanakan kerja-kerja pentadbiran, urusan perkhidmatan, kursus pegawai dan staf serta kewangan jabatan.
- h) Membantu dalam urusan penyediaan bahan kepada penyelidik dan para pelajar yang memerlukan khidmat penyelidikan, penyediaan tesis atau sesi fotografi.
- i) Bertanggungjawab ke atas kebersihan, keselamatan dan susun atur bahan-bahan yang dipamerkan di balai pameran.

- j) Bertanggungjawab dalam kerja-kerja penyimpanan, penyusunan dan keselamatan serta kebersihan di repositori koleksi jabatan.
- k) Bertanggungjawab terhadap kerja-kerja konservasi koleksi jabatan.

**4.2. Pembantu Muzium Gred S22**

- a) Membantu dalam penyeliaan kerja-kerja inventori artifak koleksi jabatan termasuk koleksi etnologi, sejarah dan spesimen alam semula jadi.
- b) Menyelaras pengurusan penyimpanan rekod inventori koleksi jabatan dengan sistematik.
- c) Mereka bentuk dan mereka letak poster, 'backdrop', mencetak 'dummy' serta menyelaras percetakan dalaman bagi aktiviti jabatan.
- d) Membantu dalam kerja-kerja penyelidikan dan pengumpulan spesimen alam semula jadi, sejarah dan kebudayaan negara.
- e) Membantu dalam penyelidikan pameran tetap, sementara, khas dan bergerak.
- f) Melaksanakan program 'inreach' dan 'outreach' di peringkat jabatan, daerah dan negeri.
- g) Membuat penyimpanan dan penyusunan artifak di repositori jabatan.
- h) Menyemak dan mengemaskini data perolehan koleksi jabatan secara berjadual bagi keperluan inventori.
- i) Memantau kebersihan dan keselamatan repositori jabatan.

**4.3. Pembantu Muzium Gred S26**

- a) Membantu menyelaras kerja-kerja penyediaan laporan terkini keadaan artifak.
- b) Membantu Penolong Kurator menyelaras kerja-kerja penyelidikan terhadap artifak yang belum lengkap maklumatnya bagi tujuan inventori.
- c) Membantu Penolong Kurator dalam menyelia kerja-kerja penyimpanan rekod inventori koleksi jabatan dengan sistematik.
- d) Membantu menyelaras serta memantau kerja-kerja inventori ke atas artifak koleksi jabatan.
- e) Membantu menyelaras kerja-kerja penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik dalaman dan luaran.

## 5. HUBUNGAN KERJA

### 5.1. Dalaman

- a) Pengurusan atasan
- b) Pegawai dan staf dalam jabatan

### 5.2. Luaran

- a) Orang awam
- b) Jabatan/ agensi kerajaan
- c) Syarikat swasta
- d) Pelajar-pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi awam dan swasta
- e) Penyelidik-penyelidik dalam dan luar negara

## 6. PERSEKITARAN KERJA

- 6.1. Dalam dan luar pejabat serta kerja lapangan
- 6.2. Dalam dan luar negara

## 7. KEMAHIRAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- 7.1. Berpengetahuan dalam aspek 'material - culture' dan mempunyai kemahiran dalam menilai artifak dari segi ketulenan dan nilai sejarah.
- 7.2. Berkemahiran dalam bidang komputer.
- 7.3. Boleh berkomunikasi secara lisan dan bertulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

## 8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- 8.1. Profesionalisme
- 8.2. Integriti
- 8.3. Bertanggungjawab
- 8.4. Displin diri

- 8.5. Semangat tinggi
- 8.6. Kompetensi dan ketelitian
- 8.7. Amanah dan jujur
- 8.8. Kekuatan emosi

9. **ANCAMAN/ BAHAYA**

- 9.1. Risiko terdedah kepada bahan kimia.
- 9.2. Terdedah kepada serangan binatang buas dan gigitan serangga berbisa.
- 9.3. Terdedah kepada ancaman spiritual sewaktu menjalankan cari gali dan penyelidikan.
- 9.4. Penerimaan/ kerjasama masyarakat terhadap penyelidikan yang hendak dijalankan.
- 9.5. Tekanan.